

# KERJASAMA JOHOR DARUL TAKZIM DAN BRUNEI DARUSSALAM

## DALAM PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1949 HINGGA 1967

**Fadilah binti Haji Zaini**  
**Jabatan Pembangunan Sumber Manusia**  
**Fakulti Pengurusan**  
**Universiti Teknologi Malaysia**  
**Skudai Johor**  
**fadilahzaini@gmail.com**  
**0197771463**

**Kamaruzaman bin Haji Yusoff**  
**Fakulti Tamadun Islam**  
**Universiti Teknologi Malaysia**  
**Skudai Johor**  
**y.kamaruzaman@utm.my**  
**0193341914**

### **Abstrak**

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan berkenaan kerjasama antara kerajaan negeri Johor Darul Takzim dan kerajaan negara Brunei Darussalam dalam urusan pentadbiran agama Islam. Hasil penelitian rekod Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor mendapat terdapat kerjasama yang erat antara kedua-dua kerajaan dalam beberapa bidang penting seperti pendidikan, kehakiman, pentadbiran masjid, pengurusan jenazah dan latihan para pegawai pentadbiran sama ada di peringkat pentadbiran sehingga kepada latihan untuk guru-guru agama. Kertas kerja ini hanya menggunakan sumber primer dari Jabatan Agama Johor dengan menggunakan kaedah kualitatif yang menjuruskan kepada deskriptif sejarah. Hasil penelitian mendapat bahawa Jabatan Agama Johor telah menjadi rujukan kepada Jabatan Hal ehwal Agama Islam Brunei Darussalam untuk memperkemaskan sistem pentadbiran agama Islam di negara tersebut. Malah, kini negara Brunei Darussalam telah berjaya menerapkan nilai-nilai Islam sepenuhnya dalam pentadbiran negaranya.

## **PENDAHULUAN**

Kerjasama kerajaan Brunei Darussalam dan kerajaan Johor Darul Takzim dapat dikesan pada tahun 1940-an melalui rekod-rekod yang ditemui secara rasmi dalam simpanan Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor yang telah memperlihatkan kerajaan Brunei Darussalam ingin mempelajari selok belok pentadbiran agama Islam daripada Jabatan Agama Islam Johor. Oleh yang demikian, kerajaan Brunei Darussalam juga turut mempunyai hubungan yang erat dengan negeri Johor dalam bidang pembangunan agama Islam. Kerajaan Brunei Darussalam telah menjadikan negeri Johor sebagai negeri yang dapat memberi pandangan dan bimbingan dalam usaha memantap dan memajukan sistem pentadbiran agama Islam dan sistem pendidikan Islam di negara tersebut. Pada tahun 1949 Residen British Kerajaan Brunei telah menulis surat kepada Setiausaha Kerajaan Johor untuk memohon kebenaran bagi menghantar 2 atau 3 orang pelajar untuk menuntut ilmu agama di negeri Johor. Surat dari E.E.F Pretty yang bertarikh 29 Oktober 1949 telah meminta kerajaan Johor memberikan syarat kelayakan, had umur dan syarat kemasukan ke kolej atau sekolah yang bersesuaian.<sup>1</sup> Justeru, hal ini memperlihatkan kerajaan Brunei begitu berminat untuk menjalankan hubungan kerjasama dengan kerajaan Johor, malah kerajaan Brunei begitu tertarik untuk mendapat pelajar yang berkelulusan dari kolej di Johor bagi mengembangkan potensi insan yang akan membangunkan agama Islam di Brunei.

## **KERJASAMA JOHOR-BRUNEI DALAM BIDANG PENDIDIKAN AGAMA ISLAM**

Kerajaan negeri Johor telah membuktikan bahawa negeri ini menjadi perintis kepada perkembangan sekolah agama yang tersusun dan sistematik di rantau ini telah menarik minat negara Brunei Darussalam untuk mempelajari selok belok pentadbiran pendidikan agama serta memperkembangkan sistem ini agar masyarakat Islam mendapat pendidikan Islam yang mantap. Oleh itu, negeri Johor telah dipilih sebagai pakar rujuk bagi membantu memantapkan pentadbiran pendidikan Islam di negara Brunei.

### **Sekolah Agama**

Permulaan kerjasama yang erat antara kerajaan Johor dan Brunei ialah pada tahun 1955 apabila kerajaan Brunei memohon agar Jabatan Agama Johor menghantar pegawai agama dari Jabatan Agama Johor untuk menjadi Pengelola Sekolah-sekolah Agama Negara Brunei Darussalam bagi cadangan membina Sekolah Agama Kerajaan Brunei atas perintah Sultan Omar Ali Saifuddin. Hasilnya pada bulan September 1956, sebuah sekolah agama yang pertama di Brunei telah berjaya ditubuhkan.

Oleh itu, sebelum sekolah agama di Brunei beroperasi dengan lengkap maka, pada tahun 1956 Pejabat Agama Johor telah melatih seramai 11 orang guru-guru agama untuk di hantar ke Brunei untuk menjalani latihan mengajar dari 3 Julai 1956 hingga 18 Ogos 1956. Guru-guru ini telah diberi latihan ilmu perguruan di bilik perpustakaan Pejabat Agama Johor iaitu yang menyentuh hal yang berkaitan dengan penyediaan buku persediaan mengajar, buku harian, buku rekod, daftar kedatangan murid, penyata kemajuan murid, penyata bulanan, penyata lawatan, penyata kewangan, jadual waktu dan jadual peperiksaan. Guru-guru ini turut diajar tentang ilmu mendidik jiwa sebagai guru serta mengetahui kewajipan sebagai seorang guru terhadap agama, bangsa dan negara.

---

<sup>1</sup>J/UG7 Jabatan Agama Johor (PemeriksaSekolah Agama) 211/49, Pemuda-pemuda di negeri Brunei hendakbelajar agama di Johor.

Malah, guru-guru ini diajar mengenai cara mengasuh dan mendidik perangai dan akhlak murid-murid. Guru-guru ini telah dibawa berlatih dilapangan iaitu turun ke sekolah-sekolah bagi menjawai cara mengajar yang sebenar. Mereka dibawa ke sekolah agama di bandar Johor Bahru di bawah panduan guru-guru besar sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Agama Ayer Molek, Sekolah Agama Tambatan Tinggi, Sekolah Agama Tambatan Rendah dan Sekolah Agama Bukit Senyum. Pengalaman ini sangat berguna kerana guru-guru ini diharap mendapat pengalaman mengendalikan kelakuan dan perangai murid-murid terutama bagi sekolah yang bercampur lelaki dengan perempuan.<sup>2</sup>

Kerjasama yang erat antara Brunei dan Johor dapat dilihat apabila terdapat guru-guru agama daripada negeri Johor yang berminat untuk menyumbang bakti di Brunei untuk mengajar di sekolah agama seperti seorang guru agama yang bernama Jalil bin Awang yang memohon bantuan Jabatan Agama untuk membantu dirinya membeli cermin mata yang bernilai \$40.00 setelah mengikut nasihat doktor perubatan. Jabatan Agama Johor telah meluluskan permohonan berkenaan berdasarkan surat Yang Dipertua Jabatan Agama kepada Pengelola Sekolah Agama Brunei iaitu Haji Osman dan Haji Muhammad bertarikh 2 Disember 1957.<sup>3</sup> Keadaan kesusahan hidup pada masa itu membuatkan guru-guru agama berhadapan dengan ujian dalam menguruskan kehidupan dan kewangan bagi meneruskan usaha dakwah ke jalan Allah. Pada tahun 1963 bersama-sama lawatan dan latihan untuk pegawai masjid Brunei ke Pejabat Kadi Besar, kerajaan Brunei turut menghantar guru-guru agama Brunei ke negeri Johor untuk mempelajari tugas guru-guru agama iaitu dari tarikh 14 Oktober 1963 hingga 20 Oktober 1963.<sup>4</sup> Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor telah menyediakan acara bagi sesi ceramah dan lawatan untuk guru-guru ini bagi mendalami cara mengendalikan sekolah agama. Guru-guru agama dari Brunei seramai 19 orang ini juga dibawa untuk melawat sekolah-sekolah agama di negeri Johor agar mendapat pendedahan sebenar berkenaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekolah agama negeri Johor.<sup>5</sup> Kerajaan Brunei juga telah memohon kepada Pejabat Agama Johor untuk menerima lawatan guru agama dari kerajaan Brunei pada 18 Mac 1965 bagi mempelajari selok belok pentadbiran sekolah agama di negeri Johor.<sup>6</sup>

## **KERJASAMA JOHOR DARUL TAKZIM DAN BRUNEI DARUSSALAM DALAM BIDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM**

Negara Brunei Darussalam dan negeri Johor Darul Takzim telah membuktikan kerjasama yang begitu erat dalam bidang pentadbiran agama Islam. Kejayaan bekerjasama dalam bidang pelajaran dan pendidikan telah membuka ruang yang lebih luas bagi kedua-dua kerajaan mengorak langkah lebih jauh untuk kerjasama dalam pentadbiran agama Islam yang lebih mencabar lagi.

---

<sup>2</sup>Jabatan Agama Johor (Pelajaran) 27/56, Calonmenjadi guru-guru agama di Brunei.

<sup>3</sup>J/UG7 943, Mohonbantuanwangkeranapergike Brunei menjadi guru agama.

<sup>4</sup>Jabatan Agama Johor 1042 Pt.11 Bil 123 dlm.JUB/SCRWO.65/1958 Lawatan/latihanpegawai dan guru-guru agama Brunei ke Johor.

<sup>5</sup>Jabatan Agama Johor 1042 Pt. 11 Bil 1 (55) Acaraceramahdanlatihan kepada guru-guru agama kejaraan Brunei di Pejabat Agama negeri Johor.

<sup>6</sup>Jabatan Agama Johor (Pelajaran) 14/58, PelawatluarkePejabatPelajaran Agama Johor.

## **Kehakiman**

Kerajaan Brunei turut berminat untuk mendapat bimbingan dan tunjuk ajar kerajaan negeri Johor dalam bidang kehakiman. Hal ini dapat dibuktikan apabila Pengetua Hal Ehwal Agama di Pejabat Hal Ehwal Agama Brunei telah menghantar seorang pegawai yang bernama Abdul Salim bin Abdul Razak yang telah melaporkan diri ke Jabatan Agama Johor pada 25 April 1959 bagi mengikuti latihan dan mempelajari hal-hal yang berkaitan dengan hukum-hukum syar'i yang dilaksanakan di negeri Johor. Kadi Besar Johor telah mengemukakan rancangan susunan latihan bagi pegawai tersebut bagi memastikan pegawai ini mendapat ilmu yang mantap dalam melaksanakan tugas sebagai pendakwaraya Syar'i di negara Brunei Darussalam.<sup>7</sup> Pegawai ini diberi latihan yang berkaitan dengan hal suami isteri, perkara nikah cerai dan ruju', tuntutan nafkah dan mas kahwin, hal yang berkaitan dengan pendakwaraya, kesalahan tidak solat jumaat dan tidak berpuasa, kesalahan orang Islam yang berkaitan dengan akidah, cara membicarakan kesalahan orang Islam, dan segala perkara lain yang berkaitan dengan pendakwaraya syar'i. Malah, pegawai ini telah dihantar ke Pejabat Kadi Batu Pahat pada 4 Disember 1960 hingga 31 Disember 1960,<sup>8</sup> seterusnya ke Pejabat Kadi Muar pada 7 Januari 1961<sup>9</sup> dan seterusnya telah dihantar untuk menjalani latihan di Pejabat Kadi Segamat pada 1 Februari 1961 dan kembali ke Johor Bahru pada 19 Februari 1961.<sup>10</sup> Setelah berjaya menamatkan latihan, maka pegawai ini telah mendapat surat perakuan Yang Dipertua Jabatan Agama Johor yang telah memperakui bahawa pegawai ini layak menjalankan tugasnya dan diarah pulang ke negara Brunei Darussalam pada 27 Mac 1961.<sup>11</sup>

## **Pentadbiran Masjid dan Pengurusan Jenazah**

Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei turut menghantar para pegawai agamanya untuk mendalami hal ehwal pentadbiran masjid dan pengurusan jenazah di Pejabat Kadi Besar, Jabatan Agama Johor. Permohonan dibuat melalui Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu kepada Yang Dipertua Jabatan Agama Johor bertarikh 26 April 1963. Justeru, Pejabat Kadi Besar melalui Pemeriksa Tanah-tanah Wakaf dan Perkuburan Pejabat Agama Johor telah mengatur program latihan kepada pegawai berkenaan dari tarikh 7 Julai 1963 hingga 20 Julai 1963.<sup>12</sup>

Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei melalui Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Brunei turut memohon kepada Yang Dipertua Jabatan Agama Johor dalam surat bertarikh 14 September 1963 agar

---

<sup>7</sup>J/UG7 1042 Bilangan 4, Susunanlatihanpegawai agama Brunei.

<sup>8</sup>J/UG7 1042 Bilangan 112, LatihanpegawaiPendakwarayaSyar'i Brunei d PejabatKadiBatuPahat.

<sup>9</sup>J/UG7 1042 Bilangan 128, LatihanpegawaiPerundanganSyar'i Brunei di PejabatKadi Muar.

<sup>10</sup>J/UG7 1042 Bilangan 132,LatihanpegawaiPendakwaSyar'i Brunei di PejabatKadiSegamat.

<sup>11</sup>J/UG7 1042, Suratperakuan Abdul Salim bin Abdul Razak, P.A 1042 Pt 1.

<sup>12</sup>Jabatan Agama Johor 1042 Pt.11, Bil. PPMBRR. 308/G/3 Melatihsseorangpegawai darinegeri Brunei dalamcaramengebumikanjenazahdanlaporanPemeriksa Tanah-tanahWakaf dan PerkuburanPejabat Agama Johor.

menerima para pegawai dari Brunei untuk mendalami dan mempelajari berkenaan tugas-tugas pegawai masjid. Program ini berlangsung dari 14 Oktober 1963 hingga 20 Oktober 1963.<sup>13</sup>

### **Setiausaha Majlis Agama Brunei**

Kerajaan Brunei turut menghantar seorang pegawai yang akan dilantik menjadi Setiausaha Majlis Agama Brunei untuk menjalani latihan di Jabatan Agama Johor. Surat dari Pengeraian Pemancha iaitu Yang Dipertua Majlis Agama Brunei kepada Yang Dipertua Jabatan Agama Johor bertarikh 7 Disember 1957 memohon kelulusan dari Jabatan Agama Johor agar membenarkan Kerajaan Brunei menghantar pegawai berkenaan. Oleh itu, Pengeraian Pemancha telah memohon agar Yang Dipertua Jabatan Agama Johor membantu untuk mengatur tempat tinggal pegawai berkenaan serta anggaran perbelanjaannya. Seterusnya, Yang Dipertua Jabatan Agama Johor telah menulis surat kepada Setiausaha Negeri Johor menyatakan kesediaan Jabatan Agama untuk melatih pegawai yang akan dilantik sebagai Setiausaha Majlis Agama Brunei selama dua minggu serta menjelaskan kepada Setiausaha Negeri Johor bahawa pegawai berkenaan akan menetap di Rumah Rehat Negeri Johor sepanjang menjalani latihan di Jabatan Agama Johor.

Namun, Jabatan Agama Brunei menyatakan hasrat untuk meminta Jabatan Agama Johor melatih pegawai tersebut dalam tempoh yang lama iaitu 6 bulan hingga setahun. Hasil dari persetujuan antara kedua kerajaan, maka Pengeraian Anak Kamaludin telah dihantar ke Johor bagi memenuhi hasrat kerajaan Brunei untuk melatih Setiausaha Majlis Agama Brunei dalam hal ehwal undang-undang dan peraturan pejabat agama iaitu Undang-undang Majlis Agama Johor, undang-undang zakat dan fitrah, undang-undang perkahwinan masyarakat Islam, undang-undang perkuburan, undang-undang mentadbir sekolah agama serta Baitul mal.<sup>14</sup>

Malah, Setiausaha Pejabat Agama Brunei juga perlu meneliti dan mendalami sistem persekolahan Sekolah Agama Johor. Lawatan yang dilakukan Pengiran Anak Kamaludin pada pukul 9.15 pagi pada 13 Ogos 1958 di Pejabat Talib bin Kasim iaitu Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor bagi meneliti sistem Sekolah Agama iaitu dari segi pentadbiran tertinggi Sekolah Agama Johor dikendalikan Yang Dipertua Jabatan Agama Johor, pembahagian daerah iaitu Johor Selatan iaitu Johor Bahru, Pontian, Kota Tinggi dan Mersing, Johor Tengah terdiri daripada daerah Batu Pahat dan Kluang serta Johor utara iaitu Muar, Tangkak dan Segamat.<sup>15</sup>

### **Pemangku Kadi Besar Kerajaan Brunei**

Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei melalui Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Brunei telah membuat permohonan melalui surat bertarikh 6 Jun 1967 bagi menghantar Pemangku Kadi Besar kerajaan Brunei Darussalam iaitu Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin untuk mendapat latihan di Jabatan Agama Johor dari tarikh 15 Ogos 1967 hingga 28 Ogos 1967.<sup>16</sup> Lawatan dan latihan ini untuk melengkapkan ilmu

---

<sup>13</sup>Jabatan Agama Johor 1042 Pt.11 Bil.91 dlm.JUB 65/1958.Lawatanpegawai-pegawai agama Brunei ke Johor.

<sup>14</sup>J/UG7 1042, Setiausaha Majlis Agama Brunei.

<sup>15</sup>J/UG7 14/28 Bilangan 2 Yang Mulia Pengiran Anak Kamaludin Setiausaha Pejabat Agama Negeri Brunei.

<sup>16</sup>Jabatan Agama Johor 1042 Pt. 11 Bil 32 dlm.SCRWO/65/58.3 Surat dari Pengetua Hal ehwal Agama Brunei.

pegawai ini dalam perkara seperti kerja pendaftar nikah, cara mencetak, mengeluar, menyimpan dan menjalankan segala daftar nikah, cerai dan ruju'. Seterusnya, mempelajari cara untuk memilih, melantik dan mengadakan peperiksaan bagi kelayakan imam-imam dan naib-naib kadi, perjalanan kerja naib-naib kadi, kawalan tanah perkuburan, kawalan masjid, cara mengurus guru-guru agama, amil-amil zakat, pengurusan golongan muallaf dan jika berlaku kes murtad, hal ehwal pesaka dan bidang tugas Kadi Besar.<sup>17</sup> Jelas bahawa kerajaan Brunei begitu mementingkan para pegawai pentadbiran agama Islam terutama jawatan tertinggi seperti Kadi Besar memahami selok belok pengurusan hal ehwal Islam agar dapat mengendalikan kemaslahatan umat Islam dengan lebih teratur dan efisien.

### **Kadi dan Kerani Mahkamah**

Kerajaan Brunei turut memohon kepada Jabatan Agama Johor untuk menghantar para pegawai dari Pejabat Agama Brunei untuk mendapatkan latihan sebagai Kadi dan Kerani Mahkamah Syariah. Berdasarkan surat dari Pejabat Agama Brunei bertarikh 13 November 1958 memohon kepada Yang Dipertua Jabatan Agama Johor untuk menghantar dua orang untuk menjalani latihan sebagai Kadi dan seorang sebagai Kerani Mahkamah Syariah iaitu yang bernama Pehin Khatib Haji Matali, Mudim Haji Adnan dan Pengiran Matasan.<sup>18</sup>

### **Perjawatan pegawai**

Kerajaan Brunei begitu tertarik untuk mempelawa anak-anak jati Johor agar berkhidmat di negeri Brunei akibat penemuan beberapa siri temuduga yang dianjurkan Jabatan Agama Brunei yang diadakan di negeri Johor. Berdasarkan surat bertarikh 3 Ogos 1960, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Brunei iaitu Pengiran Ali dirinya dan Tuan Haji Othman ingin mengadakan sesi temuduga dengan calon-calon yang memohon untuk menjadi guru agama dan Nazir-nazir agama di Brunei pada 27 Ogos 1960 hingga 29 Ogos 1960. Temuduga tersebut dilaksanakan di Johor Bahru pada 27 Ogos 1960 dan Batu Pahat pada 28 hingga 29 Ogos 1960. Oleh itu, Pengiran Ali memohon kerjasama Jabatan Agama Johor untuk membantu menyediakan tempat bagi mengadakan sesi temuduga berkenaan.<sup>19</sup> Selepas itu, beberapa siri temuduga lagi dilaksanakan Jabatan Agama Brunei untuk memilih guru-guru agama untuk mengajar di negara ini iaitu pada 9 September 1961.<sup>20</sup> Seterusnya pada 1963 satu lagi sesi temuduga dijalankan bagi memilih guru-guru dikalangan anak jati Johor untuk mengajar di negara Brunei.<sup>21</sup>

---

<sup>17</sup>Jabatan Agama Johor 1042 Pt. 11 Bil 24 LawatansambilbelajarPemangkuKadiBesar Brunei.

<sup>18</sup>J/UG7 1042 Bilangan 88, Pegawai-pegawai Brunei berlatih di Pejabat Agama Johor dan Surat dari Brunei Ref: (3) in S.C.R.W.O. 65/58., Latihan pegawai-pegawai agama Brunei.

<sup>19</sup>Jabatan Agama Johor 1589, Ref: JUB. 7 1960 Bertemu ramah dengan pemohon-pemohon guru-guru agama dan nazir-nazir di negeri Johor.

<sup>20</sup>Jabatan Agama Johor 1589, Bil. 64 dlm JUB 100/1961 Temuramah untuk memilih guru-guru agama Brunei.

<sup>21</sup>Jabatan Agama Johor 1589, Bil 25 dlm JUB 7/1960 Pt.11. Temuramah memilih guru agama Brunei.

Hakikatnya, banyak lagi siri-siri temuduga yang dilaksanakan di Jabatan Agama Johor yang diminta pegawai-pegawai tertinggi Jabatan Agama Brunei bagi memilih penjawat-penjawat yang akan mengisi jawatan dalam bidang pendidikan Islam di negara Brunei telah memperlihatkan kepercayaan Jabatan Agama Brunei terhadap kebolehan anak negeri Johor untuk mendidik warga Brunei mendalam agama Islam.

Malah, Kerajaan Brunei turut menghantar tujuh orang pegawai tertinggi Jabatan Agama Brunei terdiri daripada Yang Dipertua Jabatan Agama Brunei, Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam Brunei, Kadi Besar Brunei, dan empat orang pegawai-pegawai agama Brunei untuk mengadakan temuduga bagi mencari calon-calon untuk memenuhi jawatan kosong di Brunei pada 21,22 dan 23 Jun 1966 di perpustakaan Pejabat Agama Johor.<sup>22</sup> Hakikatnya, jawatan ini menurut surat dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Brunei berdasarkan surat bertarikh 31 Mei 1966 telah menyenaraikan jawatan yang dicari oleh panel penemuduga iaitu Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Pengetua Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Pengetua Maktab Perguruan Agama Brunei, Guru Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Guru Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Guru Agama Terlatih Pejabat Hal Ehwal Agama Brunei dan Guru Agama Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei.<sup>23</sup>

## KESIMPULAN

Kerjasama antara kerajaan Johor dan kerajaan Brunei Darussalam merupakan kerjasama yang cukup erat terutama dalam usaha memastikan syiar Islam berkembang dan dimartabatkan. Malah, perkembangan agama Islam begitu pesat di Brunei pada masa kini telah membuktikan kerajaan Brunei begitu prihatin untuk memartabatkan Islam sebagaimana yang diperintahkan Allah s.w.t dan yang diajarkan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Mudah-mudahan negeri Johor dan negeri-negeri lain di Malaysia mengikut jejak langkah Brunei mendaulatkan hukum Islam.

## RUJUKAN

J/UG7 Jabatan Agama Johor (Pemeriksa Sekolah Agama) 211/49, Pemuda-pemuda di negeri Brunei hendak belajar agama di Johor.

J/UG7 943, Mohon bantuan wang kerana pergi ke Brunei menjadi guru agama.

J/UG7 1042, Setiausaha Majlis Agama Brunei.

J/UG7 1042 Bilangan 4, Susunan latihan pegawai agama Brunei.

J/UG7 1042 Bilangan 112, Latihan pegawai Pendakwaraya Syar'i Brunei d Pejabat Kadi Batu Pahat.

---

<sup>22</sup>Jabatan Agama Johor 1589 Bilangan 20, Keraiankeranatetamudari Brunei.

<sup>23</sup>Jabatan Agama Johor 1859, suratdari Brunei Bil 134/JUB/ 3/1964 dansuratPejabatSetiausahaKerajaan Johor Bil 11 dlm. SSJ.529/53Pt.1(J-18).

J/UG7 1042 Bilangan 128, Latihan pegawai Perundangan Syar'i Brunei di Pejabat Kadi Muar.

J/UG7 1042 Bilangan 132, Latihan pegawai Pendakwa Syar'i Brunei di Pejabat Kadi Segamat.

J/UG7 1042, Surat perakuan Abdul Salim bin Abdul Razak, P.A 1042 Pt 1.

J/UG7 1042 Bilangan 88, Pegawai-pegawai Brunei berlatih di Pejabat Agama Johor.

J/UG7 14/28 Bilangan 2 Yang Mulia Pengiran Anak Kamaludin Setiausaha Pejabat Agama Negeri Brunei.

Jabatan Agama Johor (Pelajaran) 27/56, Calon menjadi guru-guru agama di Brunei.

Jabatan Agama Johor 1042 Pt.11 Bil 123 dlm. JUB/SCRWO. 65/1958 Lawatan/latihan pegawai dan guru-guru agama Brunei ke Johor.

Jabatan Agama Johor 1042 Pt. 11 Bil 1 (55) Acara ceramah dan latihan kepada guru-guru agama kejaraan Brunei di Pejabat Agama negeri Johor.

Jabatan Agama Johor (Pelajaran) 14/58, Pelawat luar ke Pejabat Pelajaran Agama Johor.

Jabatan Agama Johor 1042 Pt.11, Bil. PPMBRR. 308/G/3 Melatih seorang pegawai dari negeri Brunei dalam cara mengebumikan jenazah dan laporan Pemeriksa Tanah-tanah Wakaf dan Perkuburan Pejabat Agama Johor.

Jabatan Agama Johor 1042 Pt.11 Bil. 91 dlm.JUB 65/1958. Lawatan pegawai-pegawai agama Brunei ke Johor.

Jabatan Agama Johor 1042 Pt. 11 Bil 32 dlm. SCRWO/65/58.3 Surat dari Pengetua Hal ehwal Agama Brunei.

Jabatan Agama Johor 1042 Pt. 11 Bil 24 Lawatan sambil belajar Pemangku Kadi Besar Brunei.

Jabatan Agama Johor 1589, Ref: JUB. 7 1960, Bertemu ramah dengan pemohon-pemohon guru-guru agama dan nazir-nazir di negeri Johor.

Jabatan Agama Johor 1589, Bil. 64 dlm JUB 100/1961, Temuramah untuk memilih guru-guru agama Brunei.

Jabatan Agama Johor 1589, Bil 25 dlm JUB 7/1960 Pt.11, Temuramah memilih guru agama Brunei.

Jabatan Agama Johor 1589 Bilangan 20, Keraian kerana tetamu dari Brunei.